

AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN  
PERSEKUTUAN 1965

PERATURAN-PERATURAN PEMASARAN SAYUR 1975

PERISYIHKARAN KAWASAN TERTENTU

PAJU menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(a) Peraturan-peraturan Pemasaran Sayur 1975 (*P.U. (A) 80/75*). Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan mengisytiharkan kawasan-kawasan dalam negeri Johor yang dinyatakan dalam Jadual sebagai kawasan tertentu.

Pembatalan

2. P.U. (A) 385 yang disiarkan pada 24 November 1977 dibatalkan.

JADUAL

KAWASAN TERTENTU

1. Kawasan yang meliputi kawasan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru
2. Kawasan yang meliputi Mukim Tebrau
3. Kawasan yang meliputi Mukim Sedenak
4. Kawasan yang meliputi Mukim Senai Kulai
5. Kawasan yang meliputi Mukim Sungai Tiram
6. Kawasan yang meliputi Mukim Pelentong
7. Kawasan yang meliputi Mukim Pulai
8. Kawasan yang meliputi Mukim Jelutong
9. Kawasan yang meliputi Mukim Tanjung Kupang
10. Kawasan yang meliputi Mukim Tangkak

Bertarikh 26 Disember 2001  
[KP/LA/8/12/6; PN(PU<sup>2</sup>)145/V]

AZIZI BIN MEOR NGAH,  
*Pengerusi,*  
*Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan*

AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN  
PERSEKUTUAN 1965

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 3 dan 12 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965. Lembaga, dengan kelulusan Menteri, dengan ini menetapkan peraturan-peraturan yang berikut.

Akta 141

1. (1) Peraturan-peraturan ini hendaklah dinamakan *Peraturan-peraturan Pemasaran Sayur, 1975* dan hendaklah dipakai di seluruh Malaysia, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb April 1975.

*Nama,  
pemakaian dan  
mula  
Berkuatkuasa.*

(2) Lembaga, dengan kelulusan Menteri, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengecualikan apa-apa sayur daripada tertakluk kepada mana-mana atau kesemua peruntukan Peraturan-peraturan ini.

*[Pin. P.U.(A)  
384/77]*

2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

*Tafsiran*

"jualan" termasuklah tawaran untuk jualan, dedah untuk jualan, simpan untuk jualan dan perkataan "jual" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"jualborong" ertinya transaksi lain daripada jualan secara runcit;

"jualan secara runcit" ertinya jualan kepada pengguna;

"kawasan tertentu" ertinya kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan tertentu di bawah peraturan 3;

"pasar jualborong sayur" ertinya suatu tempat yang diisytiharkan sebagai pasar jualborong sayur di bawah peraturan 3;

"peladang sayur" ertinya seseorang yang menanam sayur-sayuran di atas tanah yang dipunyai olehnya atau yang mengenainya ia ada sesuatū kepentingan sebagai pemegang pajak, tenan, penduduk, pemegang lesen, penerima serahak, pemegang gadai, pengganti dalam hakmilik, ejen atau dengan apa-apa cara atau atas apa-apa sifat yang lain;

"sayur" ertinya sayur yang dinyatakan dalam Jadual bersama ini dalam keadaan mentahnya.

6. Walau apapun peruntukan peraturan 5, Lembaga boleh mengisytiharkan dirinya sebagai pelelong tunggal bagi mana-mana pasar jualborong sayur

Lembaga boleh  
menjadi  
pelelong  
tunggal

Eksport sayur  
sayuran

Pm P U (pt)  
334771

(1) Jika sesuatu pasar jualborong sayur telahpun diisytiharkan dalam mana-mana kawasan tertentu, Lembaga boleh mengisytiharkan melalui pemberitahu dalam Warta bahawa tiada seseorang boleh mengeksport sayur-sayuran yang dibeli dari kawasan tertentu itu melainkan sayur-sayuran itu telah pada asalnya dibeli dari pasar jualborong sayur dalam kawasan tertentu itu.

(2) Tanggungjawab untuk membuktikan bahawa apa-apa sayur telah ditanam di luar sesuatu kawasan tertentu atau bahawa ianya telah dibeli di suatu pasar jualborong sayur adalah terletak di atas orang yang dipertuduhkan itu.

8. (1) Sesuatu permohonan untuk satu lesen yang tersebut dalam peraturan 4 atau untuk pembaharuanya hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan oleh Lembaga.

Permohonan,  
had-had dan  
syarat-syarat  
lesen.

(2) Sesuatu lesen itu yang dikeluarkan atau dibaharui di bawah perenggan (1) boleh tertakluk kepada apa-apa had, syarat dan sekatan sebagaimana yang dikenakan oleh Lembaga, yang mana boleh diubah pada bila-bila masa dan boleh termasuk larangan atau sekatan terhadap amaan apa-apa sayur yang boleh dieksport oleh pemegang lesen pada bila-bila masa.

(3) Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan perenggan (2) peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dipakai bagi tiap-tiap lesen yang dikeluarkan atau dibaharui seperti tersebut di atas —

(a) tiap-tiap lesen hendaklah tamat pada 30hb Jun yang berikut selepas ia dikeluarkan; dan

(b) suatu bayaran sebagaimana yang dikenakan oleh Lembaga hendaklah dibayar kepada Lembaga mengenai lesen itu.

9. (1) Lembaga boleh, melalui syarat-syarat dalam lesen, menghendaki seseorang yang diberi lesen di bawah peraturan 4 mengeluarkan —

Mengeluarkan  
invois jualan  
dan belian.

(a) suatu invois belian kepada peladang sayur atau mana-mana penjual lain; dan

(b) suatu invois jualan kepada pembeli.

(2) Sesuatu invois belian dan sesuatu invois jualan hendaklah dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga

10. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat

Kewajipan  
lewatkan  
pemegang  
lesen

- (a) di premis atau tempat perniagaan yang dinyatakan dalam lesennya, suatu papan menunjukkan harga sermasa sewaktu ia membeli atau menjual sayur-sayuran bagi hari itu dan potongan-potongan daripada harga itu atau beratnya yang boleh dibenarkan di bawah had-had lesen yang dikeluarkan kepadanya;
- (b) pada sebelah atas pintu premis atau tempat perniagaan yang dinyatakan dalam lesenya dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang boleh dibaca dengan senang oleh orangramai, nama penuhnya sebagaimana yang terdapat dalam lesenya, dalam huruf-huruf Rumi, dan perkataan-perkataan —

PEMBELI SAYUR BERLESEN ; atau  
LICENSED VEGETABLE BUYER

PENJUAL SAYUR BERLESEN ; atau  
LICENSED VEGETABLE SELLER

PENGEKSPORT SAYUR BERLESEN ; atau  
LICENSED VEGETABLE EXPORTER

inengikut mana yang berkenaan.

(2) Pemegang lesen hendaklah :

- (a) memberi kepada Lembaga apa-apa maklumat atau penyata sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga;
- (b) mempamerkan apa-apa maklumat lain dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(3) Pemegang lesen hendaklah, apabila diminta oleh seseorang pegawai yang diberikuasa oleh Lembaga, membenarkan pegawai itu masuki premis itu dan hendaklah, jika dikehendaki, mengemukakan lesenya dan daftar yang tersebut di atas untuk diperiksa oleh pegawai itu.

11. (1) Jika Lembaga berpendapat bahawa seseorang yang diberi lesen dengan sempurnanya di bawah Peraturan-peraturan ini telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peraturan atau mana-mana daripada had-had syarat-syarat atau sekatan-sekatan yang dikenakan berkenaan dengan

Pembatalan  
lesen

sesuatu lesen yang dikeluarkan kepadanya, Lembaga boleh meminta orang itu menunjukkan sebab mengapa lesen yang dipegang olehnya itu tidak patut dibatalkan.

(2) Seseorang yang diminta menunjukkan sebab di bawah perenggan (1) —

- (a) hendaklah diberi oleh Lembaga butir-butir secara bertulis mengenai pelanggaran atau hal tidak mematuhi yang diadukan itu; dan
- (b) boleh, jika ia kehendaki, hadir sendiri atau diwakili oleh seseorang yang diberikuasa secara bertulis olehnya, dalam sesuatu pendengaran di hadapan Lembaga.

(3) Jika, selepas pendengaran itu, Lembaga berpendapat bahawa orang yang diminta menunjukkan sebab itu telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana daripada peruntukan Peraturan-peraturan ini atau telah melanggar mana-mana daripada had-had, syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen yang dikeluarkan kepadanya, Lembaga boleh menggantung atau membatalkan lesen itu.

(4) Lembaga boleh memerintahkan supaya lesen itu digantung selepas meminta pemegang lesen itu menunjukkan sebab menurut perenggan (1) atau pada bila-bila masa kermudian daripada itu, dan sementara menanti keputusannya berkenaan dengan pembatalan atau selainnya akan lesen itu.

12. Seseorang yang melanggar peruntukan yang terdapat di dalam Peraturan-peraturan atau perisyntiaran yang dibuat di bawah peraturan 7(1) ini hendaklah disifatkan telah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

*Kesalahan.  
(Pin. P.U.(A)  
384/77)*

Bertarikh pada 4 haribulan Mac, 1975

ABDUL RAHMAN BIN HAJI YUSOF  
*Timbalan Pengurus*  
*Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan*

Saya luluskan,

ABDUL GHAFAR BIN BABA,  
*Menteri Pertanian dan Pembangunan Luarbandar*

JADUAL.

*Nama Biasa*

1. Bayam ...
2. Bawang ...
3. Bendi ...
4. Cili ...
5. Halia ...
6. Kacang Buncis ...
7. Kacang Wangi ...
8. Kacang Panjang ...
9. Kangkung ...
10. Ketola Manis ...
11. Ketola segi ...
12. Keladi ...
13. Keledek ...
14. Kobis (bulat) ...
15. Kobis (panjang) ...
16. Kobis bunga ...
17. Kobis China (puteh) ...
18. Kai Lan ...
19. Kuchai ...
20. Kundor ...
21. Lik (Bawang Perai) ...
22. Lobak ...
23. Lobak Merah ...
24. Poh Choy ...
25. Peria ...
26. Salad ...
27. Selada (celery) ...
28. Sawi ...
29. Terong ...
30. Timun ...
31. Timun Bulu ...
32. Tomato ...
33. Tong Hoe ...

*Nama Kajitumbuhan*

- |                             |  |
|-----------------------------|--|
| 1. Bayam ...                | <i>Amaranthus ganggeticus</i>            |
| 2. Bawang ...               | <i>Allium cepa</i>                       |
| 3. Bendi ...                | <i>Hisiclus esculentus</i>               |
| 4. Cili ...                 | <i>Capsicum</i>                          |
| 5. Halia ...                | <i>Zingiber officinale</i>               |
| 6. Kacang Buncis ...        | <i>Phaseolus vulgaris</i>                |
| 7. Kacang Wangi ...         | <i>Pisum sativum var saccharatum</i>     |
| 8. Kacang Panjang ...       | <i>Vigna sinensis ungniculate</i>        |
| 9. Kangkung ...             | <i>Ipomosa aquatica</i>                  |
| 10. Ketola Manis ...        | <i>Luffa cylindrica</i>                  |
| 11. Ketola segi ...         | <i>Luffa acutangula</i>                  |
| 12. Keladi ...              | <i>Dioscorea cayenesis</i>               |
| 13. Keledek ...             | <i>Ipomoea batatas</i>                   |
| 14. Kobis (bulat) ...       | <i>Brassica oleracea capitata</i>        |
| 15. Kobis (panjang) ...     | <i>Brassica pekinensis var cylindria</i> |
| 16. Kobis bunga ...         | <i>Brassica oleracea botrytis</i>        |
| 17. Kobis China (puteh) ... | <i>Brassica chinensis</i>                |
| 18. Kai Lan ...             | <i>Brassica alboglabra</i>               |
| 19. Kuchai ...              | <i>Allium schoenoprasum</i>              |
| 20. Kundor ...              | <i>Benincasa hispida</i>                 |
| 21. Lik (Bawang Perai) ...  | <i>Allium porrum</i>                     |
| 22. Lobak ...               | <i>Raphanus sativus</i>                  |
| 23. Lobak Merah ...         | <i>Daucus carota</i>                     |
| 24. Poh Choy ...            | <i>Spinacia oleracea</i>                 |
| 25. Peria ...               | <i>Momordica charantia</i>               |
| 26. Salad ...               | <i>Lactuca sativa</i>                    |
| 27. Selada (celery) ...     | <i>Alpium graveolens</i>                 |
| 28. Sawi ...                |  |
| 29. Terong ...              | <i>Solanum</i>                           |
| 30. Timun ...               | <i>Cucumis sativus</i>                   |
| 31. Timun Bulu ...          | <i>Cucurbita pepo</i>                    |
| 32. Tomato ...              | <i>Hypopersicon esculentum</i>           |
| 33. Tong Hoe ...            | <i>Chrysanthemum coronarium</i>          |

AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN  
PERSEKUTUAN 1965

PERATURAN-PERATURAN PEMASARAN SAYUR 1975

PERISYIHIHARAN PASAR JUALBORONG SAYUR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(b) Peraturan-Peraturan Pemasaran Sayur 1975 (*P.U.(A) 80/75*), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan mengisyiharkan Pasar Jualborong Pandan, Johor Bahru yang terletak di Pusat Perdagangan Pandan, Kampung Sri Purnama, Kangkar Tebrau, Johor Bahru, Johor Darul Takzim sebagai suatu pasar jualborong sayur bagi kawasan tertentu yang meliputi kawasan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Mukim Tebrau dalam negeri Johor.

Pembatalan

2. P.U. (A) 716 yang disiarkan pada 24 November 1977 dibatalkan.

Bertarikh 26 Disember 2001  
[KP/LA/8/12/6; PN(PU<sup>2</sup>)145/V]

AZIZI BIN MEOR NGAH,  
*Pengerusi,*  
*Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan*

AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN  
PERSEKUTUAN 1965

PERATURAN-PERATURAN PEMASARAN SAYUR 1975

PERISYIHIHARAN DI BAWAH SUBPERATURAN 7(1)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Pemasaran Sayur 1975 (*P.U.(A) 80/75*), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan mengisyiharkan bahawa tiada seseorang boleh mengeksport sayur-sayuran yang dibeli dari kawasan tertentu yang meliputi kawasan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Mukim Tebrau dalam negeri Johor, melainkan sayur-sayuran itu telah pada asalnya dibeli dari pasar jualborong sayur di Pasar Jualborong Pandan, Johor Bahru yang terletak di Pusat Perdagangan Pandan, Kampung Sri Purnama, Kangkar Tebrau, Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

Bertarikh 26 Disember 2001  
[KP/LA/8/12/6; PN(PU<sup>2</sup>)145/V]

AZIZI BIN MEOR NGAH,  
*Pengerusi,*  
*Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan*